



**UUM CORPORATE COMMUNICATION
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)**

PEKELILING KHAS COVID-19 BIL. 2 TAHUN 2020

**PELANJUTAN TEMPOH PENUTUPAN SEMENTARA KAMPUS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) SEHINGGA 12 MEI 2020**

1. LATAR BELAKANG

Berdasarkan situasi semasa penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan mengambil kira saranan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2020 telah mengumumkan pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 12 Mei 2020.** UUM akur dengan arahan tersebut yang tertakluk di bawah Warta Kerajaan Persekutuan Peraturan-Peraturan Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Selaras dengan arahan tersebut, pihak Pengurusan Universiti prihatin mengenai keselamatan dan kesihatan warga UUM.

Sehubungan itu, **SEMUA STAF DAN PELAJAR** diminta untuk terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Malaysia dan cakna akan hebahan semasa oleh pihak Pengurusan Universiti.

Staf juga diminta untuk **terus mematuhi GARIS PANDUAN BEKERJA DARI RUMAH** yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

2. PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama notis, garis panduan dan arahan yang telah dikeluarkan kepada semua staf dan pelajar oleh pihak Pengurusan Universiti berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari tarikh 18 Mac 2020.

3. TARIKH BERKUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 25 April 2020 dan tertakluk kepada arahan dan pekeling yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau mana-mana pihak berkuasa yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.